

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN MUZIUM ORANG ASLI

TEMPAT: GOMBAK, SELANGOR

TARIKH: 29 SEP 1987

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam
bahagia.

Yang Amat Berhormat
Dato' Mohamad bin Mohd Taib,
Menteri Besar Selangor;
Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri;
Yang Berbahagia En. Jimin Idris,
Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang
Asli;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya berterima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Orang
Asli kerana menjemput saya merasmikan Muzium Orang Asli ini.
Dalam masyarakat berbilang kaum adalah penting kita
mengetahui adat resam dan kebudayaan masing-masing. Saya
berharap Muzium ini akan membantu orang ramai mempelajari
dan memahami cara hidup masyarakat Orang Asli di negara ini.

2. Dengan adanya Muzium ini maka akan lebih terpeliharalah
warisan budaya masyarakat Orang Asli. Sebelum ini warisan
Orang Asli dipelihara dalam berbagai cara, termasuklah di
muzium-muzium lain di negara ini, di kampus-kampus dan di
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sendiri. Tetapi dengan
terbinanya Muzium ini warisan Orang Asli akan terpelihara
dengan lebih sempurna lagi.

3. Di samping itu Muzium ini akan membolehkan masyarakat
umum melawat dan memahami dengan lebih mendalam lagi cara
hidup dan adat resam Orang Asli. Walaupun kesempatan untuk
tinggal bersama Orang Asli akan lebih bermakna lagi bagi
memahami cara hidup Orang Asli, tetapi kesempatan melihat
artifek-artifek, pakaian dan peralatan-peralatan lain di
Muzium ini akan memberi peluang kepada orang ramai memahami
cara hidup mereka.

4. Saya gembira dengan cadangan Jabatan Hal Ehwal Orang
Asli yang ingin menjadikan Muzium ini sebagai sebuah pusat
pelancongan. Saya yakin muzium ini akan menjadi pusat
pelancongan bukan sahaja bagi masyarakat tempatan tetapi
juga kepada pelancong-pelancong luar negeri. Saya berharap
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan memastikan supaya
beberapa kemudahan untuk para pelancong akan disediakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan beberapa agensi lain telah memperjuangkan nasib dan masa depan Orang Asli. Kerajaan terus menyediakan banyak kemudahan dan perkhidmatan kepada Orang Asli untuk meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam pembangunan negara. Sepanjang Rancangan Malaysia Keempat atau 'RME' dari tahun 1981 hingga 1985, kira-kira 5,570 hektar tanah telahpun diperuntukkan kepada Orang Asli untuk ditanam dan dipulihkan dengan tanaman getah, kelapa sawit, buah-buahan, kelapa, teh dan lada hitam. Seluas 1,000 hektar lagi telahpun dimajukan dengan tanaman jangka pendek seperti pisang, nenas dan betik di bawah projek Bumi Hijau. Kerajaan juga menggalakkan Orang-orang Asli memelihara ikan dan ternakan lain untuk memberi pendapatan sampingan kepada mereka.

6. Masyarakat Orang Asli juga telah digalakkan untuk menyertai kegiatan-kegiatan perniagaan dan industri kecil, dan dengan itu beberapa buah kedai koperasi dan pusat pemerosesan rotan telah ditubuhkan dalam tempoh RME. Di samping itu satu program menyeluruh yang melibatkan lima buah projek pengumpulan semula masyarakat Orang Asli telah dilaksanakan di bawah RME bagi kira-kira 23,000 orang di sepanjang Banjaran Titiwangsa atau Main Range. Seluas 13,600 hektar tanah telah dibahagikan kepada mereka yang di kumpulkan itu.

7. Di bawah RME Orang Asli juga telah mendapat faedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan asas yang disediakan. Misalnya sebanyak 330 buah rumah, tiga buah blok rumah pangsa yang mengandungi 57 unit kediaman, sebuah sekolah, empat buah dewan makan, lima buah asrama sekolah dan lima buah klinik telah didirikan. Kira-kira 600 buah rumah telah dibekalkan dengan air bersih, sementara 640 buah rumah telah dibekalkan dengan elektrik. Semua projek dan program yang dilaksanakan itu adalah bagi menggalakkan penyertaan masyarakat Orang Asli dalam proses pembangunan, memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka, dan menggalakkan mereka mengamalkan cara-cara pertanian moden dan sistematik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Bagi tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan akan terus berusaha supaya masyarakat Orang Asli maju setapak demi setapak seiring dengan proses pembangunan negara. Bagi menjayakan program-program sosio-ekonomi Orang Asli, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 40 juta ringgit bagi pembangunan Orang Asli sepanjang Rancangan Malaysia Ke Lima (RML) ini. Berbagai kemudahan asas dalam skim-skim yang sedia ada akan diperluas dan dipertingkatkan lagi. Enam skim penempatan semula yang baru untuk kira-kira 1,000 keluarga Orang Asli akan dilaksanakan dalam tempoh RML.

9. Kemajuan Orang Asli melalui pendidikan akan terus

diberi perhatian. Dua buah asrama sedang dibina, sebuah di Raub, Pahang, dan sebuah lagi di Bukit Lanjan, Selangor, dengan setiap sebuah berharga 1.2 juta ringgit. Murid-murid yang ditempatkan di asrama-asrama tersebut akan menghadiri sekolah-sekolah yang berdekatan.

10. Di samping itu Kerajaan juga memberi kepentingan kepada kesihatan dan perubatan bagi Orang Asli. Misalnya, Hospital Orang Asli di Gombak ini sedang diperbaiki dan akan dibekalkan dengan peralatan-peralatan baru. Kerajaan akan membelanjakan 3.3 juta ringgit untuk tujuan ini. Kerajaan akan terus meningkatkan kemudahan perubatan dan kesihatan kepada Orang Asli pada masa depan.

11. Di samping itu, masyarakat Orang Asli akan digalakkan menyertai rancangan-rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA, terutamanya di kawasan di mana bilangan Orang Asli adalah terlalu kecil untuk membolehkan pembukaan skim penempatan semula. Kerajaan berharap Orang Asli akan mengalami pembangunan sosio-ekonomi yang pesat, secara teratur dan diterima dengan baik oleh masyarakat Orang Asli seluruhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan Kerajaan kepada masyarakat Orang Asli yang telah membantu pasukan keselamatan kita dalam usaha membanteras kegiatan-kegiatan komunis pada masa-masa yang lalu. Dewasa ini ancaman komunis telah semakin berkurangan berbanding dengan ancaman pada tahun-tahun 50an dan 60an. Masyarakat Orang Asli, terutama mereka yang tinggal di kawasan pendalaman, telah memberi maklumat mengenai pergerakan musuh-musuh negara ini kepada pasukan keselamatan kita. Apa sahaja maklumat daripada masyarakat Orang Asli sudah tentu akan dapat membantu pasukan keselamatan menghapuskan gerombolan komunis dikawasan-kawasan pendalaman.

13. Walaupun ancaman komunis itu tidaklah seperti dahulu, kita mengakui bahawa ancaman itu masih ada dan kita semua mestilah berjaga-jaga dan sentiasa berwaspada. Justeru itu Kerajaan berharap masyarakat Orang Asli yang tinggal di pendalaman dapat terus membantu pasukan keselamatan kita menghapuskan saki-baki musuh negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Kepada kakitangan-kakitangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan terus berusaha memajukan kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini. Kerajaan menghargai segala tugas yang dijalankan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

15. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang telah menjemput saya ke Majlis pagi ini. Adalah diharapkan Muzium ini akan menjadi

tumpuan para pelawat dan pelancong, baik dari dalam dan juga luar negeri.

16. Dengan sukacitanya saya membuka Muzium Orang Asli ini dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.